

18/07/2001

Swasta Pos Malaysia bukan tindakan melulu

LANGKAH kerajaan menswastakan Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia) bukanlah suatu tindakan melulu, sebaliknya dibuat selepas mengenal pasti syarikat yang boleh menyenaraikan Pos Malaysia di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) melalui 'pintu belakang'.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan berkata, dengan kedudukan kewangannya yang kukuh, Phileo Allied Berhad mampu mengendalikan Pos Malaysia sehingga ia tersenarai di BSKL, sekali pun ketika sentimen pasaran kurang menggalakkan bagi terbitan awam.

Dalam jawapan kepada beberapa soalan bertulis di Dewan Rakyat semalam, beliau berkata, walaupun kerajaan menswastakan Pos Malaysia kepada Phileo Allied pada harga RM800 juta, kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan akan menguasai Phileo Allied dan perkhidmatan pos.

"Ini menolak dakwaan bahawa kerajaan mengabaikan tanggungjawabnya dalam menawarkan perkhidmatan pos atau kebajikan kakitangan Pos Malaysia," katanya sambil menambah langkah itu membolehkan kerajaan mencapai objektifnya untuk menswastakan perkhidmatan elektrik, telefon dan pos.

Perkhidmatan elektrik diperbadankan 12 Julai 1990 kepada Tenaga Nasional Berhad dan ia berjaya disenaraikan di BSKL pada 28 Mei 1992 pada harga tawaran RM4.50.

Sementara itu, perkhidmatan telefon diswastakan kepada Telekom Malaysia Berhad pada 1 Januari 1987. Telekom Malaysia berjaya disenaraikan di BSKL pada 7 November 1990 dan ia kini 2.03 kali lebih langganan pada harga tawaran RM5.00 sesaham.

Perdana Menteri turut menafikan bahawa Phileo Allied dikuasai Avenue Assets Bhd, yang dimiliki anak beliau.

Sambil menegaskan tohmahan itu tidak berasas dan satu fitnah, beliau meminta pihak terbabit supaya menyemak fakta sedia ada terlebih dulu sebelum membuat tuduhan melulu.

"Jika beliau menyemak dengan Pendaftar Syarikat maka akan terbukti bahawa anak Perdana Menteri sememangnya tidak mempunyai sebarang kepentingan secara langsung atau tidak langsung di dalam syarikat terbabit atau menyertai Lembaga Pengarah syarikat berkenaan," katanya.

Menjawab soalan bertulis Muhamad Mustafa (Keadilan-Peringat), Perdana Menteri berkata, jumlah nilai seluruh harta (alih dan tak alih) Pos Malaysia pada 31 Disember 2000 adalah kira-kira RM1.2 bilion manakala jumlah tanggungannya adalah kira-kira RM626.4 juta.

"Ini menjadikan nilai harta bersih Pos Malaysia sebanyak RM570.7 juta dan jumlah modal berbayarnya pada 20 Jun 2001 adalah sebanyak RM390.96 juta," katanya.

Kepada soalan tambahan Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (Pas-Kuala Terengganu), Dr Mahathir berkata, keuntungan selepas cukai Pos Malaysia tahun lalu menurun kepada RM51.0 juta berbanding tahun sebelumnya RM99.3 juta.

Selain itu, katanya, keuntungan Pos Malaysia selepas cukai pada 1998 adalah RM52.4 juta; RM29.9 juta (1997); RM83.3 juta (1996) dan RM28.9 juta pada 1995.

Menjawab soalan bertulis Datuk Yap Pian Hon (BN-Serdang), beliau berkata, Pos Malaysia melaksanakan pelbagai program pemodenan operasi mel bagi meningkatkan mutu perkhidmatan mel.

(END)